

**UCAPAN YABHG TUN DR MAHATHIR BIN MOHAMAD DI YOUNG ENTREPRENEUR  
ASSOCIATION PADA 3 MAY 2006, DI JAKARTA, INDONESIA**

**NASIONALISM DALAM ERA GLOBALISASI**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Terlebih dahulu ingin saya ucap banyak terima kasih kerana jemputan dari Young Entrepreneur Association, Indonesia untuk menyampaikan pandangan saya berkenaan nasionalisme dalam era globalisasi.

2. Kita hidup bukan sahaja di zaman Globalisasi, tetapi juga di zaman dunia yang menghadapi ancaman keganasan terrorism, ancaman serangan pre-emptive oleh kuasa besar terhadap negara yang lemah, ancaman regime change yang diusahakan oleh kuasa besar jika mereka tidak suka kepada pemerintahan yang ada, sama ada pemerintahan yang dipilih secara demokratik atau pemerintah diktator; zaman ancaman ekonomi, sosial, budaya dan lain-lain. Kita masih berada dalam zaman Euro-centric, dunia yang berputar di sekeliling Eropah dan bangsa Eropah.

3. Semua ancaman ini disebabkan negara-negara besar dan kuat utamakan hanya keselamatan atau sekuriti diri mereka, dagangan mereka, kesejahteraan hidup rakyat mereka. Bahawa ancaman mereka menjadikan bangsa lain, negara lain hidup dalam ketakutan, tidak selamat, terdedah kepada serangan terhadap ekonomi mereka, serangan ketenteraan sehingga negara-negara lemah ditawan dan ditakluk, kehancuran bandar-bandar, kematian dan kecederaan rakyat tidak diambil-kira oleh mereka. Yang dipedulikan oleh mereka ini hanyalah keselamatan diri mereka sahaja, keselamatan bangsa dan negara mereka. Keutamaan mereka ialah bangsa dan negara mereka. Mengutamakan bangsa dan negara sendiri adalah apa yang dimaksudkan dan ditakrif sebagai nasionalisme. Ini bermaksa negara maju dan kaya masih tebal dengan semangat nasionalisme mereka. Tetapi di masa yang sama mereka mendakwa dalam dunia global tidak ada tempat bagi nasionalisme, bahkan sempadan yang memisahkan negara-negara. Sempadan tidak harus menjadi halangan terhadap kemasukan modal asing dan gergasi korporat negara maju.

4. Terdapat di sini double-standard, piawai yang berbeza. Sementara negara lemah dikehendaki mengurangkan kepentingan negara sendiri supaya dunia disatukan bagi menjayakan konsep globalisasi, negara yang membawa konsep ini memperkukuhkan sempadan mereka dan mengutamakan pertahanan dan sekuriti bangsa mereka. Sekarang mereka dakwa mereka berhak mengenakan undang-undang negara mereka diluar wilayah mereka walaupun mereka tahu negara lemah tidak mungkin berbuat demikian di dalam negara mereka.

5. Sebenarnya nasionalisme masih bermakna dan diperlukan di zaman globalisasi ini terutama bagi negara yang lemah. Ini adalah oleh kerana di zaman globalisasi, pencerobohan oleh negara asing yang kuat ke atas negara lemah lebih mungkin berlaku. Kuasa besar secara terbuka menyatakan kesanggupan mereka untuk pre-emptive strike atau serangan lebih dahulu atas budi-bicara mereka, mengadakan regime change di negara-negara yang diperintah oleh pemerintah yang tidak mahu tunduk kepada mereka, menghancurkan ekonomi negara tertentu dengan sekatan dagangan, serangan ke atas matawang, memaksa nilai hidup dan budaya mereka diterima, dan ideology mereka diamalkan. Semua ini tetap akan menghakis kemerdekaan, kebebasan kedaulatan negara kita. Hanya dengan memiliki semangat nasionalisme yang tebal sahaja barulah dapat kita pertahankan diri kita.

6. Jika kita ingin uji keikhlasan mereka tentang dunia tanpa sempadan di mana modal boleh melintas masuk mana-mana negara untuk dilabur, untuk membeli bank-bank, industri dan perniagaan; jika kita ingin uji pendirian mereka yang sebenar tentang dunia tanpa sempadan, cuba berhijrah ke negara mereka, cuba masuk negara mereka, walaupun dengan dokumen yang sah.

7. Tanya sahaja kepada orang Mexico apa jadi kepada mereka jika mereka menyeberangi Rio Grande untuk masuk ke California. Apakah mereka disambut baik, di benar masuk. Kita tahu mereka ditangkap, dikurung dan dihantar balik ke Mexico. Inikah dunia tanpa sempadan? Modal boleh masuk, penghijrahan manusia mesti disekat.

8. Sekarang ini jika orang Islam pergi ke Amerika Syarikat dan juga beberapa negara lain yang mendakwa mereka percaya kepada globalisasi serta mendukung konsep dunia tanpa sempadan, pelawat Islam akan diperiksa, dihina dan jika ada sedikit alasan mereka tidak akan dibenar masuk ke-negara-negara ini. Apakah benar mereka berpegang kepada dakwaan mereka bahawa sekarang dalam dunia global maka sempadan tidak lagi boleh menjadi benteng melindungi hak negara yang bebas, melindungi perniagaan dan ekonomi mereka.

9. Pada teorinya kita juga boleh lakukan sapertimana mereka lakukan kepada kita. Tetapi kita perlu kepada pelawat asing, pelabur asing serta modal dan *expertise* mereka. Maka tidak dapatlah kita melayan mereka seperti mereka layan kita. Walaupun globalisasi akan membuka semua Negara tetapi yang menadapat nikmat dari globalisasi bukanlah kita yang miskin dan daif, tetapi mereka yang kuat dan kaya. Globalisasi berkemungkinan menjadikan yang sudah kaya lebih kaya dan yang miskin lebih miskin. Jika kita kaji segala idea dan ideology yang datang dari Negara maju ethnic Eropah, tidak ada satu pun yang pernah menguntungkan Negara lemah. Jika kita amalkan, semuanya akan merugikan kita menjadikan kita lebih lemah, lebih miskin, dan mereka lebih kuat dan lebih kaya. Lihat sahajalah pengamalan dagangan matawang. Apakah kita dapat niaga matawang mereka seperti mereka niagakan matawang kita.

10. Sebenarnya konsep globalisasi dan dunia tanpa sempadan dicipta oleh negara kaya supaya mereka dapat eksploitasi kekayaan negara lain untuk perkayakan lagi diri mereka. Globalisasi bukanlah perkara baru. Apabila bangsa Eropah berjaya mengelilingi Cape of Good Hope dan melintasi Lautan Hindi; apabila mereka dapat belayar ke Asia Timur dan berdagang, Globalisasi sudahpun berlaku. Dagangan mereka yang sebelum 1509 terhad kepada Eropah sahaja, telah bekembang ke seluruh dunia. Sebabnya mereka melintasi Lautan Atlantic pada tahun 1492 ialah kerana ingin memperluaskan dagangan mereka ke negara India. Mereka percaya mereka sudah sampai ke India apabila mendarat di tanah besar yang sekarang dikenali sebagai Amerika. Mereka percaya penduduk-penduduk adalah orang India, Indians. Dengan kejayaan mengelilingi dunia, berdagang dengan penduduk seluruh dunia, merampas wilayah suku kaum tempatan untuk dijadikan negara untuk mereka, globalisasi sudah berlaku. Dunia, bagi bangsa Eropah tidak lagi terbahagi kepada benua-benua tertentu tetapi menjadi dunia yang satu untuk dieksploitasi oleh ethnic Eropah.

11. Bangsa-bangsa Asia telah lama berdagang sesama sendiri. Pembangunan Sri Vijaya, Majapahit, Melaka sebagai pelabuhan dan negara yang maju dan terkenal adalah kerana pedagang dari Cina, India dan negara Arab membawa barangan mereka ke pelabuhan-pelabuhan ini untuk dijual atau ditukar dengan barangan tempatan seperti Spice (rempah-cabai), rotan, kayu wangi (gaharu), lacquer dan lain-lain.

12. Sejak tahun 200 Masehi negeri-negeri Malayu di Semenanjung telah bedagang dengan Cina, Arab dan India tanpa masalah. Demikian juga lain-lain negara di Asia Tenggara. Dan negara-negara ini tidak diserang dan ditawan, dijadikan milik negara-negara pedagang Asia ini, walaupun mereka juga besar dan kuat.

13. Tetapi pada 1511 selepas hanya dua tahun Portugis sampai ke Melaka, Melaka diserang dan ditawan oleh mereka. Rupa-rupanya cara dagangan orang Eropah berbeza dengan cara orang Asia. Mereka bukan sahaja ingin membeli dan menjual, menukar-nukar barangan dagangan tetapi mereka juga sanggup berperang dan menakluk wilayah rakan dagang mereka untuk menjamin bekalan barangan dagangan. Dan rakyat mereka mestilah bebas membuat apa sahaja. Jika tindakan undang-undang dikenakan kepada rakyat mereka maka mereka akan hantar tentera mereka untuk menyerang dan menakluk negara yang menguatkuasa undang-undang ke atas rakyat mereka.

14. Pengalaman Melaka dirasai juga oleh negara-negara lain di Asia Tenggara. Berdagang dengan pedagang Eropah akan membawa bala kepada negara. Akhirnya negara yang bebas menjadi negara-takluk bangsa-bangsa Eropah. Demikian di Asia Tenggara, demikianlah juga di mana-mana di seluruh dunia.

15. Pedagang Eropah menuntut untuk memonopolikan punca bekalan mereka. Mereka menuntut supaya diadakan perjanjian dagangan yang eksklusif. Mereka mendirikan kubu perang dan pusat dagangan atau trading post mereka sendiri di negara orang. Mereka menggunakan kapal bersenjata (armed merchantmen) untuk berdagang. Mereka berperang sesama mereka, dan kemudian berperang dengan negara pembekal mereka, menakluk negara-negara ini, menjadikan mereka koloni milik mereka, diperintah oleh mereka. Akhirnya hampir semua wilayah Asia Tenggara menjadi sebahagian dari Empire Portugis, Sepanyol, Belanda, British dan Perancis. Mereka perhambakan rakan dagang mereka, memaksa mereka bekerja untuk mengeluarkan barangan yang dikehendaki oleh mereka. Dan menjadi kaya tidak terhinggalah mereka, syarikat-syarikat mereka, dan negara-negara mereka di Eropah. Menjadi miskin dan hinalah semua rakan dagang mereka di Asia.

16. Malaysia mengambil masa 450 tahun untuk dibebaskan dari belenggu penjajahan bangsa-bangsa Eropah. Negara-negara lain di Asia Tenggara juga dijajah ratusan tahun oleh mereka. Beratus ribu penduduk tempatan yang di bunuh, dipenjara dan disiksa oleh penjajah dari Eropah ini apabila percubaan dibuat oleh bangsa-bangsa yang dijajah untuk memerdekakan tanahair sendiri. Akhirnya baharulah kemerdekaan dicapai.

17. Sekarang bekas penjajah kita ini mengesyorkan globalisasi, dunia tanpa sempadan kononnya sebagai system dagangan dunia. Kita sedar dunia sudah menjadi kecil kerana kemajuan komunikasi dan kita tidak berupaya mengasingkan negara-negara kita lagi. Tetapi bolehkah kita percaya mereka merencanakan globalisasi untuk kebaikan kita, negara-negara yang dahulu dijajah, diperah dan dieksploitasikan oleh mereka untuk memperkayakan pedagang mereka, negara mereka. Bolehkah kita percaya mereka tidak behasrat menjajah kita semula.

18. Di zaman penjajahan kita, nasionalisme dipupuk supaya kita sanggup berjuang dan berkorban untuk melepaskan diri kita dari belenggu penjajahan. Apakah kerana kita sudah merdeka maka perjuangan kita sudah tamat dan kita tidak perlu semangat nasionalisme lagi. Sebenarnya nasionalisme di zaman globalisasi ini masih amat penting, tidak kurang pentingnya dari zaman dahulu di waktu kita di jajah. Sebabnya ialah globalisasi seperti yang ditafsirkan oleh negara kaya boleh menyebabkan kita sekali lagi dijajah oleh penjajah kita yang lama walaupun corak penjajahan mungkin tidak seperti dahulu. Satu dari kesan krisis kewangan yang diusahakan oleh peniaga

matawang mereka baru-baru ini ialah kita menjadi begitu miskin sehingga terpaksa meletakkan diri kita di bawah kuasa IMF, agensi milik mereka, membuka ekonomi kita kepada modal mereka, membenarkan bank-bank dan industri kita diambil-alih oleh gergasi korporat mereka. Bolehkah kita kata dengan perlakuan ini kemerdekaan kita tidak terhakis?

19. Kerana kejatuhan nilai matawang kita yang diusahakan oleh pedagang matawang mereka, maka nilai saham bank dan industri kita menurun dalam matawang mereka. Di masa yang sama nilai saham bank dan industri kita dalam matawang tempatan juga jatuh kerana sudah tidak untung lagi, dibeban dengan hutang yang tidak dapat dibayar. Sebilangan besar daripada perniagaan nasional kita muflis, bankrap.

20. Sebagai contoh semasa krisis kewangan, nilai Ringgit Malaysia jatuh dari RM2.5 satu USD kepada hampir RM5.0 satu USD. Ini bermakna orang asing hanya perlu 50 sen sahaja untuk beli saham yang dahulu berharga 1 USD. Tetapi nilai saham bank dan industri dalam matawang Malaysia juga telah jatuh supaya nilai saham mereka hanya separuh sahaja dari harga dahulu. Justeru itu pemodal asing memerlukan kurang dari 50 sen untuk membeli saham yang dahulu memerlukan 1 USD. Dengan kebebasan yang terpaksa diberi kepada modal asing, maka bank-bank dan perusahaan kita dapat dibeli oleh gergasi korporat ethnic Eropah dengan harga lelong. Apabila IMF menentukan dasar ekonomi dan kewangan kita dan bank serta perniagaan kita dimiliki oleh pedagang asing maka kuasa kita ke atas hal ehwal negara kita tetap terhakis. Ini bermakna kita tidak lagi merdeka sepenuhnya. Ini bermakna kita sudah, secara langsung dan tidak langsung, di jajah.

21. Mereka mendakwa bahawa kejatuhan nilai matawang kita ialah kerana kita tidak cekap mentadbirkan negara kita atau ia disebabkan jangkitan daripada kejatuhan nilai matawang jiran kita. Tetapi sebenarnya kejatuhan nilai matawang kita disebabkan penjualannya secara besar-besaran oleh peniaga matawang etnik Eropah.

22. Apabila apa juga barangan dilambak dalam pasaran maka nilainya tetap akan jatuh. Demikian apabila matawang kita dilambak dalam pasar matawang maka nilainya akan jatuh. Lambakan matawang kita yang dilakukan oleh peniaga matawang merekalah yang sebenarnya menyebabkan matawang kita jatuh dengan begitu rendah sehingga kita alami krisis kewangan yang amat teruk, yang menyebabkan berjuta pekerja hilang pekerjaan, peniaga kecil hilang mata pencarian, rakyat mengamuk dan merosakkan harta benda, mencetuskan huru-hara yang tidak dapat dikawal. Akhirnya kita terpaksa tunduk kepada IMF, World Bank dan negara-negara kaya di Barat. Inilah sebab yang sebenar nilai matawang kita jatuh, bukan kerana pengurusan kewangan, pengurusan negara kita tidak cekap, bukan kerana jangkitan dari penyakit kewangan di negara lain. Soal korupsi di negara membangun memang ada – dahulu pun ada, sekarang pun ada. Tetapi ia tidak menyebabkan krisis matawang berlaku dahulu, tidak juga resesi. Lagi pun di negara maju juga terdapat korupsi tanpa krisis matawang.

23. Walaupun sebabnya terjadi krisis matawang ialah kerana kegiatan peniaga matawang menjual matawang Negara-negara Timur dengan banyaknya, rejim kewangan dunia tidak juga diubah dan diperbetulkan, supaya kewangan dan ekonomi negara kecil selamat dari serangan oleh pedagang matawang. IMF masih menyokong kegiatan hedge funds dan peniaga matawang. Keutamaan mereka ialah keutungan bagi pedagang matawang mereka, bukan kepentingan kita, bukan kesihatan ekonomi dunia. Ini adalah satu lagi contoh dan bukti bahawa negara penjajah Eropah belum tukar tabiat mereka.

24. Globalisasi memanglah satu perkembangan yang tidak dapat dielak. Dunia sudah menjadi begitu kecil kerana kemajuan perjalanan dengan pesawat jet dan

perhubungan telefoni yang bukan sahaja membolehkan kita bercakap tetapi juga mendengar suara dari sebelah sana dunia beribu batu jauhnya, seolah-oleh ia berada ditepi kita.

25. Tidak mungkin sesuatu berlaku di sebelah sana dunia yang tidak mempunyai kesan ke atas kita di sini. Dan kesan ini boleh dirasai dengan serta-merta. Justeru itu amat sukar bagi kita mengasingkan diri kita dari jiran jauh dan dekat, mengadakan tembok di sempadan untuk memisahkan kita dari kejadian di luar negara kita.

26. Tetapi walaupun globalisasi tidak dapat dielak apakah ia semestinya seperti ditafsir dan dibentuk oleh negara-negara kuat dan kaya. Tidak adakah bentuk lain, tafsiran lain.

27. Jika kita soal bentuk yang disyor oleh mereka apakah ini bermakna kita menolak globalisasi. Jika kita syor bentuk, cara dan tafsiran yang lain apakah ini bermakna kita utamakan nasionalisme kita dan tidak dapat menerima globalisasi.

28. Globalisasi mengutamakan kebebasan modal dan peniaga mereka melintasi sempadan negara kita. Dan ini tetap menguntungkan mereka kerana mereka yang memiliki modal dan syarikat gergasi.

29. Kelebihan kita ialah tenaga manusia. Sepertimana bebasnya modal mereka melintasi sempadan ktia, tidakah lebih adil jika rakyat kita yang tidak bekerja melintasi sempadan mereka untuk bekerja di sana; tidakkah adil jika hasil kerja kita yang bukan hitek seperti kain dan pakaian yang siap untuk dipakai memasuki negara mereka dengan bebas, tanpa quota, sekatan cukai dan bukan cukai.

30. Jika sekatan yang diadakan oleh mereka tidak bermakna mereka menolak globalisasi dan mengutamakan kepentingan bangsa mereka, maka kita harus dibenar mengenakan sekatan terhadap modal dan pedagang-pedagang mereka tanpa dituduh mengutamakan nasionalisme kita.

31. Dilihat dari apa sudut sekalipun globalisasi yang dicadang oleh mereka hanya menguntungkan mereka, mencerminkan perlindungan bagi bangsa mereka, menjadi bukti kebangsaan mereka. Justeru itu maka kita negara yang lemah perlu kukuhkan semangat nasionalisme kita di zaman globalisasi ini.

32. Lagi pun kita tidak boleh lupa bahawa ini bukan sahaja zaman globalisasi. Ini juga zaman kuasa besar sanggup melanggar, mencero boh, memasuki negara-negara yang lemah dengan memberi bermacam-macam alasan dan kerap juga pembohongan. Demikian di Iraq kononnya terdapat WMD, senjata pemusnah yang boleh dilancar ke atas negara kuasa besar dalam masa 45 minit.

33. Kuasa besar juga berkeras untuk semua negara mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi liberal. Seperti kata Pramoeodaya, mereka demokratik hanya dalam negara mereka sahaja. Diluar, dalam arena antarabangsa mereka tidak demokratik, sebaliknya mengguna kuku besi.

34. Untuk mengembangkan demokrasi mereka di seluruh dunia mereka akan peralatkan penduduk tempatan, tekanan ekonomi dan juga serangan ketenteraan.

35. Pemilihan umum bukan hasrat mereka. Jika yang dipilih bukan yang ditunjukkan oleh mereka, maka pemerintahan itu akan ditolak. Dan kekerasan, penindasan, sekatan wang dan ekonomi akan diguna. Bahawa semua ini bukan demokratik tidak diindah oleh mereka.

36. Mereka secara terbuka mengenal pasti negara-negara yang perlu mengadakan "Regime Change." Untuk ini mereka sanggup melakukan "Pre-emptive Attack" serangan oleh mereka sebelum pun mereka diserang.

37. Samada semua ancaman ini adalah sebahagian dari globalisasi atau tidak bukan soalnya. Yang menjadi nyata di zaman globalisasi ini ialah negara-negara yang berjuang bermati-matian dahulu untuk kemerdekaan, boleh diserang dan ditakluk semula kerana memiliki Pemerintah yang tidak disukai oleh kuasa besar. Mencetuskan huru-hara dan perang saudara tidak menghalang kuasa besar dari menuntut supaya pemerintah yang ditunjuk oleh mereka didirikan di semua negara.

38. Inilah dunia kita di zaman global ini. Bolehkah kita pertahankan kemerdekaan kita tanpa semangat nasionalism, tanpa patriotisma. Saya tidak percaya kita boleh selamatkan kemerdekaan kita tanpa cinta pada negara, kepada bangsa, iaitu tanpa nasionalisme dan patriotisma.

30. Kali ini perjuangan mempertahankan kemerdekaan kita bukan dengan senjata dan pasukan balatentera perang. Tak mungkin kita dapat menyaingi senjata mereka, roket mereka dengan nuclear warhead. Meletupkan bom di badan tidak akan mengalahkan mereka.

31. Yang akan mengalahkan mereka ialah kepintaran nasionalisme kita, perpaduan kita, kesanggupan kita bekerjasama dengan negara-negara lain yang menghadapi ancaman yang sama.

32. Sesungguhnya nasionalisme masih diperlukan dalam zaman globalisasi ini, masih penting, masih berperanan. Nasionalisme ini bukan berkehendak kita pikul senjata. Ia memerlukan kepintaran dan perpaduan, memerlukan strategi yang bijak, dan hati yang cecal.

32. Ini lah nasionalisma di zaman globalisasi.

-----